



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

Jalan Taming Sari
34000 Taiping
Perak Darul Ridzuan

Tel : 05-808 0777
Fax : 05-805 3000 / 806 8957
Email : mpt@mptaiping.gov.my
Laman Web : www.mptaiping.gov.my

JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR & KESIHATAN

NOTIS / IKLAN SEBUT HARGA

SEBUT HARGA (PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KAWASAN DI DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING)

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang 221002 (membersih kawasan)** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, keupayaan kewangan dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

NO.RUJUKAN SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA
MPT/JPBK/S/28/19	Sebut Harga Perkhidmatan Membersih, Memotong Rumput Dan Mencuci Longkang Utama (Monsoon Drain) Bagi Kawasan ZON A, ZON B, ZON C dan ZON D Selama Satu (1) Tahun	RM50.00 senaskah (tidak akan dikembalikan)
MPT/JPBK/S/29/19	Sebut Harga Perkhidmatan Membersih, Memotong Rumput Dan Mencuci Longkang Utama (Monsoon Drain) Bagi Kawasan ZON E, ZON F dan ZON G Selama Satu (1) Tahun	
MPT/JPBK/S/30/19	Sebut Harga Perkhidmatan Membersih Kawasan, Pembersihan Jalan, Memotong Rumput Dan Mencuci Longkang Bagi Kawasan ZON C Selama Satu (1) Tahun	

Naskah Meja Sebut harga akan mula dipamerkan mulai **4 APRIL 2019** pada waktu pejabat di Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan, Tingkat 2, Wisma Perbandaran, Majlis Perbandaran Taiping.

Dokumen sebut harga boleh disemak dan dibeli secara tunai sahaja mulai **15 APRIL 2019** sehingga **22 APRIL 2019** di Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan, Tingkat 2, Wisma Perbandaran Taiping, Jalan Taming Sari, 34000 Taiping, Perak Darul Ridzuan. Masa adalah seperti berikut :-

Hari Isnin hingga Khamis	Mulai jam 8.15 pagi hingga 12.30 tengahari. Mulai jam 2.15 petang hingga 4.00 petang.
Hari Jumaat	Mulai jam 8.15 pagi hingga 12.00 tengahari. Mulai jam 2.45 petang hingga 4.00 petang.

Satu taklimat akan diadakan pada tarikh **15 APRIL 2019**, jam **10.00 pagi** di Tingkat 7, Penthouse, Wisma Perbandaran Taiping, Jalan Taming Sari, 34000 Taiping. Kehadiran adalah **diwajibkan** bagi kontraktor yang ingin memasuki sebut harga ini. Dokumen tawaran hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang menghadiri taklimat dengan mengemukakan Surat Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan di dalam bidang yang dinyatakan. **Wakil adalah tidak dibenarkan.**

Dokumen yang telah disempunakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri/bermeterai dan ditulis nombor rujukan sebut harga di muka sampul surat tersebut dengan terang dan jelas serta dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping, Wisma Perbandaran, Majlis Perbandaran Taiping, Jalan Taming Sari, 34000 Taiping, Perak Darul Ridzuan.

Dokumen yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga yang disediakan di Jabatan Kewangan, Tingkat 1, Wisma Perbandaran, Majlis Perbandaran Taiping pada atau sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh **22 APRIL 2019**. Dokumen sebut harga yang diterima lewat selepas masa yang ditetapkan atau tidak lengkap akan ditolak. Semua kos dan belanja yang terbit dan terakibat daripada tawaran tersebut adalah menjadi tanggungjawab kontraktor sepenuhnya.